

27/03/1998

Politik wang: Enam nama dikemuka ke MT

SHAH ALAM, Khamis - Nama enam ahli Umno Kuala Selangor yang ditahan Badan Pencegah Rasuah (BPR) kerana disyaki terbabit dalam politik wang ketika persidangan perwakilan bahagian ini pada 14 Mac lalu akan dikemukakan kepada Majlis Tertinggi (MT) Umno untuk tindakan lanjut.

Menteri Besar Datuk Abu Hassan Omar, berkata pihaknya sudah membincangkan kegiatan enam ahli Umno terbabit pada mesyuarat Jawatankuasa Pengurusan dan Disiplin Badan Perhubungan Umno di Ibu Pejabat Umno di sini, Isnin lalu.

"Kita sudah maklum sebaik menerima maklumat mengenainya dan membincangkan nasib enam ahli Umno terbabit dalam mesyuarat jawatankuasa itu baru-baru ini," katanya di sini.

Beliau yang juga Ketua Badan Perhubungan Umno Selangor berkata, pihak jawatankuasa itu sedang menyiapkan laporan berhubung enam ahli Umno itu yang disyaki terbabit dalam politik wang selepas mesyuarat itu.

Menurutnya, laporan mengenainya dan keputusan mesyuarat jawatankuasa itu akan dikemukakan kepada MT untuk tindakan lanjut.

"Terpulang kepada MT sama ada hendak memecat mereka sebagai ahli atau sebaliknya.

"Yang penting, kita akan menyerahkan laporan keputusan mesyuarat jawatankuasa itu kepada MT dalam tempoh terdekat ini," katanya.

Beliau berkata demikian ketika ditanya tindakan Badan Perhubungan Umno Selangor terhadap enam ahli Umno Kuala Selangor yang disyaki terbabit dalam politik wang selepas ditahan BPR, baru-baru ini.

Pada 19 Mac lalu, akhbar ini melaporkan ahli Umno itu disoal siasat BPR kerana disyaki terbabit dalam politik wang sebelum persidangan perwakilan bahagian itu, 14 Mac lalu.

BPR dikatakan menemui sejumlah tunai daripada beberapa perwakilan terbabit, dipercayai digunakan untuk menyogok RM200 seorang supaya mengundi calon tertentu.

Pada persidangan perwakilan yang dirasmikan oleh Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad itu, Abu Hassan mengekalkan jawatan sebagai ketua bahagian tanpa bertanding.

Timbalannya, Datuk Miskon Sutero dicabar oleh bekas Setiausaha Sulit Kanan Menteri Penerangan, Daud Tarihep, menang dengan kelebihan 10 undi.

(END)